

15 SEP 1997

Herbert-Bonus

BONUS UNTUK KAKITANGAN KERAJAAN, KEPUTUSAN BELUM DIBUAT

SEPANG, 15 Sept (Bernama) -- Kerajaan belum membuat keputusan mengenai pembayaran bonus kepada kepada 800,000 kakitangan kerajaan tahun ini, kata ketua setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert hari ini.

"Kami belum membincangkan isu bonus ini.....terpulang kepada kerajaan untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita semasa mengiring Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan para menteri Kabinet melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (L:IA) di sini hari ini.

Herbert enggan mengulas lanjut mengenai perkara tersebut.

Sementara itu, Ketua Setiausaha negara, Tan Sri Abdul Halim Ali memberitahu pemberita pada acara yang sama bahawa kerajaan akan membincangkan mengenai isu bonus itu.

Sejak dua tahun lepas, kakitangan kerajaan dibayar bonus sebulan gaji.

Isu bonus itu berbangkit berikutan kegawatan keadaan ekonomi negara yang tertekan akibat serangan spekulasi ke atas ringgit dan pasaran saham yang meleset baru-baru ini.

Mengenai kemajuan KLIA, Herbert, yang mempengerusikan Kuala Lumpur International Airport Berhad (KLIAB), pemaju projek mega itu, berkata tidak akan ada lagi kelewatan pada projek berharga RM9 bilion itu.

Katanya projek itu dijangka siap akhir tahun ini dan bersedia untuk operasi komersil pada suku pertama tahun depan.

Herbert berkata kerajaan akan memutuskan mengenai tarikh sebenar pembukaan KLIA.

"Beberapa ujian dan percubaan perlu dilakukan sebelum menetapkan tarikh berkenaan," katanya. -- BERNAMA

DAB ES WAT